



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

KAMPUNG ANGKAT MADANI 2025 RUMAH PANJANG KIONG, KAPIT MENGURANGKAN JURANG PEMBANGUNAN BANDAR DAN LUAR BANDAR

KAPIT, SARAWAK – YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya merangkap Ahli parlimen P.215 Kapit, hari ini telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kampung Angkat MADANI (KAM) 2025 di Rumah Panjang Kiong, Sungai Anggau, Kapit, Sarawak. Turut hadir ialah YB ADUN Bukit Goram, Residen Kapit, wakil-wakil daripada Pejabat Daerah Kapit, serta rakan-rakan strategik dan komuniti KAM.

2. KAM KKR 2025 adalah kesinambungan kepada KAM KKR 2024 yang dicetuskan oleh YAB Perdana Menteri di mana Kampung Nanga Engkuah telah dipilih atas cadangan YB Dato Sri Menteri Kerja Raya. Rumah Panjang Kion di Sungai Anggau telah terpilih sebagai KAM KKR 2025 dalam usaha berterusan Kerajaan MADANI bagi memastikan rakyat mendapat terus manfaat projek Kerajaan melalui penyediaan kemudahan asas yang lebih baik dan pendekatan holistik dalam menangani isu kemiskinan serta pembangunan setempat.

3. Rumah Panjang Kiong menerima peruntukan sebanyak RM1 juta di bawah Program Kampung Angkat MADANI 2025 bagi melaksanakan kerja-kerja penambahbaikan infrastruktur kritikal. Skop kerja yang telah disiapkan termasuk:

- Pemasangan siling dan kerja pendawaian semula elektrik bagi memastikan tahap keselamatan penghuni dan rumah yang lebih terjamin.
- Pembinaan kawasan parkir motosikal berbumbung.
- Pembinaan tandas tetamu.
- Penyediaan perabot seperti sofa dan meja kopi untuk kegunaan komuniti.
- Pemasangan sistem siar raya baharu bagi menyokong aktiviti sosial dan majlis rasmi komuniti.

4. Walaupun demikian, KAM bukanlah sekadar menumpukan kepada penambahbaikan infrastruktur fizikal, tetapi juga menjadi model kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, kepimpinan dan masyarakat rumah panjang bagi memastikan pembangunan dilaksanakan secara inklusif dan berkesan.

5. Pendekatan ini membuktikan komitmen kerajaan MADANI dalam menangani kemiskinan tegar serta memperkukuh akses rakyat kepada kemudahan asas termasuk utiliti, keselamatan, perumahan komuniti, dan infrastruktur sokongan bagi majlis serta aktiviti sosial.

6. Sebagai sokongan berterusan terhadap agenda pembangunan komuniti luar bandar, KKR dan agensi-agensinya turut melaksanakan Program Kampung Angkat MADANI di lokasi lain, termasuk Kampung Kubang Semang di bawah Ketua Setiausaha KKR, Kampung Kota di Kota Bharu di bawah Ketua Pengarah JKR Malaysia, serta Kampung Terusan Seberang di Kuala Pilah di bawah Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia.

7. KKR ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Sarawak, pemimpin tempatan, Tuai Rumah, dan seluruh penduduk Rumah Panjang Kiong atas kerjasama dan komitmen padu mereka. Penambahbaikan infrastruktur ini diharapkan dapat dimanfaatkan secara optimum dan dijaga dengan baik serta teratur untuk menjadi tanda aras kepada pembangunan dan perpaduan komuniti yang lebih mampan, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

6 DISEMBER 2025

#KearahKesejahteraanRakyat

#JasaKepadaRakyat

#MYJALAN

#Jalankitatanggunjawabkita

#KerajaanMADANI

#MADANIbekerja